

HIBAH Pengikat Kasih

HARTA adalah sebahagian daripada nikmat Allah yang dianugerahkan kepada hamba-Nya.

Orang yang memiliki harta tidak semestinya dia memperoleh ganjaran semata-mata, tetapi boleh jadi juga itu adalah sebahagian ujian kepadanya.



Bermakna ujian Allah bukan hanya datang dalam bentuk penderitaan seperti kemiskinan, bahkan ia juga berupa kekayaan. Ini tidak lain untuk menilai sejauh mana rasa kehambaan mereka kepada Allah s.w.t.

Rasulullah s.a.w. tidak pernah membungkam harta kerana semuanya habis dibelanjakan untuk jalan Allah membantu orang-orang yang miskin.

Allah juga melarang harta yang dimiliki hanya berlegar di kalangan orang-orang kaya sahaja. Kerana itu harta perlu dimanfaatkan bersama, sama ada dalam bentuk zakat, sedekah atau hibah.

Dalam surah al-Hasyr ayat 7, Allah s.w.t. berfirman "Apa sahaja harta rampasan (fai-i) yang diberikan Allah kepada Rasul-Nya (dari harta benda) yang berasal daripada penduduk kota-kota, maka adalah untuk Allah, rasul, kamu kerabat anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan supaya harta itu tidak hanya berlegar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya."

Justeru itu, harta yang diperoleh bukan sahaja boleh diuruskan melalui zakat, sedekah atau wasiat sahaja, bahkan harta juga boleh dijadikan sebagai hibah sebagaimana dalam firman Allah surah al-Baqarah: 177 ber maksud, "...dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya."

Islam mengharuskan harta yang dimiliki boleh

dihibahkan kerana ia merupakan salah satu mekanisme yang terkandung dalam pengurusan harta, begitu kata Hafiz Noramli Halimi, Pensyarah Pengajian Islam Kolej Komuniti sewaktu ditanya tentang hibah. Ulasnya lagi, dari segi bahasa, hibah ialah pemberian yang diberikan bukan kerana tanggungjawab tertentu namun pemberian itu memberi manfaat kepada si penerima.

Dari sudut syarak pula, hibah membawa konotasi suatu kontrak (akad) yang merujuk kepada pemindahan hak milik seseorang tanpa sebarang gantian ketika masih hidup dan ia dilakukan secara sukarela.

"Definisi ini sedikit berbeza dengan wasiat kerana, sekalipun wasiat merupakan pemindahan hak milik seseorang yang bukan untuk suatu gantian, akan tetapi ia dilaksanakan selepas berlakunya kematian. Sementara sedekah pula secara zahirnya adalah suatu bentuk pemindahan hak milik seseorang kepada orang yang lebih memerlukan. Tujuannya tidak lain hanya sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dan memperoleh pahala keredhaan-Nya.

"Dalam pelaksanaan hibah, pengertiannya hanyalah bersifat umum. Justeru itu sesiapa sahaja boleh memberi atau menerima hibah tidak kira sama ada ia daripada golongan kaya atau miskin. Pelaksanaannya juga boleh jadi untuk mendapatkan pahala serta keredhaan Allah, atau boleh jadi juga tidak. Manakala barang yang dihibahkan (diberikan) boleh juga dipindahkan kepada penerima atau sebaliknya," jelasnya.

JENIS HARTA HIBAH

Tegas Hafiz lagi, bagi yang ingin berhibah, tiada had jumlah mahupun bilangan pada barang atau harta yang hendak dihibahkan. Bahkan apa sahaja barang yang boleh dijual beli boleh dijadikan sebagai harta hibah namun



Dalam situasi ini Baginda s.a.w. mencela mereka dengan sabdanya, "Orang-orang yang meminta semula pemberiannya sama seperti orang yang menjilat semula muntahnya." (HR Bukhari Muslim).

Namun hukum tersebut dikecualikan bagi hibah yang diberikan oleh bapa kepada anak. Seorong bapa berhak menuntut semula anugerah atau hibah yang diberikan walaupun ia telah sah menjadi milik penerima hibah tersebut bersandarkan pada hadis Nabi s.a.w.

"Tidak halal bagi seorang lelaki memberikan sesuatu pemberian atau menganugerahkan sesuatu anugerah kemudian dia memintanya semula kecuali bapa meminta semula apa yang diberikan kepada anaknya." (HR Imam Tirmizi dan Abu Daud) A

SIGHAH (LAFAZ KONTRAK)

Syarat-syarat sighah:

- Penawaran dan persetujuan mestilah berkesinambungan
- Tidak bersyarat
- Tidak bertempoh
- Barang yang hendak dihibah.

● Barang yang ingin dihibahkan itu mestilah daripada hak milik si pemberi bukan hak milik orang lain.

Selain syarat yang dinyatakan di atas terdapat tiga rukun hibah yang mana setiap satu rukun tersebut ada disertai syarat-syaratnya iaitu:

Dua pihak yang berakad (berkontrak) iaitu pemberi dan penerima. Pemberi perlu memenuhi syarat berikut:

- Pemberi mestilah pemilik kepada barang yang hendak diberi.
- Mestilah layak untuk memberi sumbangan. (bukan kanak-kanak dan orang gila).
- Mempunyai kuasa penuh untuk menggunakan hartanya.

TARIK BALIK HIBAH

Dengan hibah tuntasnya lagi, ia dapat mewujudkan masyarakat ideal dan harmoni yang hidup berlandaskan semangat kasih sayang dan kemesraan serta saling berhubungan dengan rapat. Ini dikuatkan lagi dengan sabda Baginda s.a.w. "Bertukar-tukarlah hadiah nescaya kamu akan berkasih 'sayang.'" (HR Imam Malik)

Walau bagaimanapun bagi seseorang yang sudah berhibah mereka tidak berhak menuntut semula pemberian yang telah diberikannya setelah ia sah diterima oleh penerima hibah tersebut.



HIBAH AMANAH

Urusan pembahagian harta selepas seseorang meninggal dunia lazimnya perlu melalui proses pentadbiran harta pusaka yang panjang. Jika berlaku pertkaian di kalangan waris, proses tersebut menjadi semakin rumit dan mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk selesai. Akhirnya pihak-pihak terbabit tidak mendapat manfaat daripada harta yang ditinggalkan.

Maka sewajarnyalah kita merancang harta dengan bijak sewaktu masih hidup, agar waris dan orang yang ditinggalkan tidak terbeban dengan urusan-urusan yang sulit. Contohnya simpanan atau saham boleh dihibahkan.

Bagaimanapun tidak ramai yang ingin berbuat demikian kerana harta alih seperti ini sangat mudah diguna atau dihabiskan. Apa pun sekiranya anda ikhlas dan benar-benar mahu memberi sesuatu kepada waris atau orang lain, ia adalah sesuatu yang baik.

Jika anda mempunyai pelaburan dalam mana-mana produk unit amanah yang diuruskan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), institusi pengurusan unit amanah terbesar negara itu menyediakan perkhidmatan Hibah Amanah yang mana pelaburan boleh menghibahkan pelaburan mereka dalam ASNB kepada sesiapa yang diinginkan.

Perkhidmatan yang menggabungkan konsep hibah dan amanah ini membolehkan pelabur terus menggunakan wang pelaburan mereka selagi masih hidup. Proses tuntutan untuk unit amanah yang sudah dihibahkan juga lebih mudah dan pantas kerana penerima hanya perlu pergi ke pejabat ASNB untuk mengmukakan tuntutan dan proses pindah milik hanya mengambil masa kira-kira 21 hari selepas tuntutan dibuat sekiranya tiada masalah, berbanding proses tuntutan harta pusaka biasa yang kadang kala mengambil masa lebih enam bulan.

Ini tertakluk kepada beberapa terma dan syarat. Antaranya penerima bersepuju dan membentarkan pemberi hibah menggunakan harta hibah itu untuk faedah dirinya, membuat urus niaga dan mendapat manfaat daripada harta tersebut selama pemberi masih hidup.

Selain itu, ASNB bertindak sebagai pemegang amanah untuk mentadbir dan mengurus harta hibah apabila pemberi hibah meninggal dunia demi manfaat penerima hibah. Pemberi dan penerima hibah juga perlu bersetuju melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian.

Unit amanah yang ingin dihibahkan

mestilah bukan daripada pinjaman atau yang dijadikan cagaran dan bakinya mestilah dikekalkan pada RM1,000 tidak termasuk Skim Pelaburan Ahli KWSP. Jika anda berminat dengan perkhidmatan ini, anda perlu meneliti beberapa syarat dan termanya.

Seseorang juga wajar meneliti sebelum memberi hibah kerana pembatalan Hibah Amanah hanya boleh dibuat jika hibah dibuat kepada anak kandung atau cucu kandung sahaja. Hibah kepada suami atau isteri contohnya tidak boleh dibatalkan.

Hibah Amanah ini hanyalah satu alternatif dalam Pengurusan Pewarisan Islam. Tonggak pembahagian harta orang Islam ialah hukum faraid. Maka jika anda ingin memberi hibah, anda perlulah berlaku adil terutama terhadap waris terdekat.

Apa pun perkhidmatan yang disediakan oleh ASNB ini akan memudahkan para waris yang menguruskan harta setelah ketidaaan anda. A